

Perlu bantuan pakar bantu pemuliharaan

DALAM mengimbangi kemajuan sosioekonomi dan kehidupan alam sekitar terutamanya pemuliharaan kepelbagaian biologi dan khidmat ekosistem sangat memerlukan kepakaran sumber manusia. Aktiviti SEM membantu ke arah pembangunan kepakaran sumber manusia dalam bidang ekologi.

Apakah kekurangan bilangan pelajar lelaki di universiti dan aliran semasa pendidikan negara sekarang ke arah bioteknologi, perubatan, kejuruteraan dan inovasi menyebabkan minat generasi muda berkurangan dalam bidang ekologi.

Kalau dilihat kepada perkembangan kajian ekologi negara maju dan minat mereka dalam menjalankan penyelidikan di hutan tropika serta penekanan dunia kepada kepelbagaian biologi, perubahan cuaca, pemanasan dunia dan produk semula jadi untuk makanan

dan perubatan, kajian ekologi hutan tropika sangat tinggi permintaannya.

Sekurang-kurangnya menjelang 2025, kira-kira 20 peratus kawasan darat dan perairan darat serta 10 peratus kawasan pantai dan marin mesti dilindungi dan dipulihara sepenuhnya.

Sebab utama bidang ekologi kurang popular adalah publisiti, minat pelajar dan peruntukan kewangan yang diperuntukan tentang ekologi dan pengurusan sumber hutan.

Ramai pelajar wanita di universiti juga bukan alasan kerana dengan teknologi dan kemudahan yang ada kita lihat sudah ramai wanita dalam lapangan dan pakar hidupan liar.

Pendedahan tentang kepelbagaian biologi perlu bermula di sekolah lagi melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran

(P&P), infrastruktur, peruntukan kewangan, kemahiran guru dan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mesti dilihat semula.

Pendedahan Akademi Sains Malaysia (ASM) tentang pelajar aliran sains hanya 20 peratus berbanding 80 pratus aliran sastera telah mendapat perhatian ramai. Keperluan sains, teknologi dan inovasi (STI) mesti diberikan perhatian segera terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0 ini (IR4).

Dalam usaha mendepani IR4 ini kepentingan penguasaan elemen pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti perlu diberikan perhatian. Aktiviti ekologi boleh membantu mencapai keperluan berkenaan. Bidang ekologi menjamin warisan negara kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara perlu disepadukan dalam STI.

FELO ASM MENGIKUT BIDANG

- Felo kanan - enam orang
- Perbatan dan Sains Kesihatan - 60 orang
- Kejuruteraan dan Sains Komputer - 76 orang
- Biologi, pertanian dan alam sekitar - 72 orang
- Matematik, Fizik dan sains Bumi - 43 orang
- Sains Kimia - 36 orang
- Sains dan teknologi Pembangunan - 39 orang

BANTUAN pakar diperlukan bagi memberi maklumat kepada generasi muda mengenai kepentingan khazanah hutan.